

11 JUL, 2024

## TNB rugi RM3.4b angkara bitcoin



Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# TNB rugi RM3.4b angkara bitcoin

Nilai dicatat dari 2018 hingga 2023 beri kesan kepada negara, sektor tenaga

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Seri Kembangan:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung mengalami kerugian hasil tenaga sebanyak RM3.4 bilion akibat aktiviti perlombongan bitcoin secara haram dalam tempoh lima tahun dari 2018 hingga 2023.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir, berkata walaupun ia mungkin peratusan kecil berbanding keseluruhan penggunaan tenaga, tetapi nilai kerugian memberi kesan menyeluruh kepada negara dan sektor tenaga.

"Kerugian akibat aktiviti itu bukan lagi bernilai jutaan ringgit, tetapi mencecah berbilion

ringgit hanya daripada kegiatan bitcoin yang sepatutnya menjadi hasil tenaga.

"Sejak aktiviti bitcoin bermula pada 2018, syarikat pembekal tenaga berdepan kecurian melalui aktiviti perlombongan bitcoin berjumlah RM3.4 bilion.

"Untuk kecurian lain memabitkan pengubahsuaian meter, rumah kongsi akibat melakukan penyambungan elektrik haram ia mencatatkan kerugian antara RM100 juta hingga RM200 juta setahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melakukan gimik pelupusan rampasan Suruhanjaya Tenaga (ST) di pusat pembuangan dan pelupusan logam di Taman Industri Selesa Jaya, Balakong di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Ismail Zaili Yusop dan Ketua Pegawai Operasi ST, Dr Ir Dr V Sanjayan.

Dalam pada itu, Akmal Nasrullah, berkata akibat kerugian hasil itu, rakyat turut menanggung kesannya sama ada melalui penyelarasan tarif atau sebagainya.

"Selain PETRA menumpukan usaha untuk melihat pengeluar

an tenaga lebih hijau, tenaga boleh diperbaharui, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), terdapat kelompok tidak bertanggungjawab mencuri tenaga hingga memberikan kesan kerugian kepada semua.

"Walaupun pihak itu fikir kegiatan mencuri itu tidak dapat dikesan kerana mereka tidak menggunakan meter di premis masing-masing, sebenarnya (TNB) mengesan penggunaan tenaga luar biasa dan itu jadi keupayaan membanteras kegiatan mencuri tenaga," katanya.

## Ops Renjat di 5 premis

Terdahulu, sebanyak 2,022 barangan rampasan elektrik bernilai RM2.2 juta dilupuskan selepas didapati gagal mematuhi beberapa syarat ditetapkan ST, termasuk tidak mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.

Rampasan itu memabitkan sebanyak 349 mesin bitcoin, 1,219 peralatan elektrik tanpa label keselamatan SIRIM-ST, selain 445 kelengkapan dan sembilan peralatan masing-masing daripada kes kecurian elektrik dan barangan terbabit dalam kes kemalangan elektrik.

ST memperoleh arahan untuk



Akmal Nasrullah melakukan gimik pelupusan rampasan Suruhanjaya Tenaga di Taman Industri Selesa Jaya, Balakong, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

pelupusan barangan rampasan daripada Timbalan Pendakwa Raya di bawah Seksyen 406A dan 407 Kanun Keseksaan Jenayah (Akta 593) memabitkan 46 Kertas Siasatan oleh suruhanjaya itu selepas selesai melalui proses mahkamah dan kompaun.

Pelupusan mesin bitcoin itu hasil rampasan melalui operasi serbuan bersepadu, Ops Renjat yang dijalankan ST di lima

premis tidak berpenghuni pada Oktober 2022 di mana terdapat pengubahsuaian dengan cara pintasan haram terus tanpa meter hingga menyebabkan kerugian RM1.3 juta kepada pihak utiliti.

Sementara barangan lain yang dilupuskan adalah kelengkapan elektrik yang dirampas ST dalam operasi penguatkuasaan lain.